



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**PROGRAM ART SHOW : MUZIK, SENI,
PENDIDIKAN DAN UNITI 2025 BAWA KEPELBAGAIAN WARNA
DALAM DUNIA MUZIK DAN PERSEMBAHAN TEMPATAN**

KUALA LUMPUR, 8 November 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan **Program Art Show: Muzik, Seni, Pendidikan dan Uniti 2025**. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), di Dataran Muzium Negara, hari ini.

Program Art Show: Muzik, Seni, Pendidikan dan Uniti 2025 adalah program jangkauan dalam (inreach) Muzium Muzik yang kini memasuki tahun ketiga penganjurannya, dan terus memperlihatkan sambutan menggalakkan daripada pelbagai pihak termasuk institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan, penggiat seni serta komuniti setempat.

Tahun ini, program diteruskan dengan kerjasama strategik antara Muzium Muzik dengan rakan kolaboratif antaranya Universiti Teknologi MARA (UiTM), Muzium Pahang dan Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (PUZIDA). Turut serta ialah para penggiat industri dan pengamal seni dari pelbagai latar belakang yang **membawa kepelbagaian warna dalam dunia seni muzik dan persembahan tempatan**.

Program Muzik Art Show 2025 terus **menampilkan pendekatan segar dan selari dengan perkembangan semasa**. Ia menggabungkan empat elemen utama iaitu Muzik, Seni, Pendidikan Uniti (Perpaduan) yang menonjolkan kepelbagaian warisan muzik Malaysia termasuk seni persembahan dan teknologi kreatif, penerapan nilai ilmu dan pembelajaran dalam seni.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan kepada para pengunjung yang hadir iaitu Pameran Art Show menampilkan Pameran Karya Pelajar dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pameran Koleksi Alat Muzik Gamelan serta Pameran Koleksi Bagpipe dan Bugle dari koleksi Tentera Darat.

Selain pameran, pelbagai aktiviti dan program sisipan turut dilaksanakan sehingga bulan Disember. Antaranya Bicara@Muzium Muzik, *Pocket Talk / Art Talk*, lima siri Bengkel Gamelan dan demonstrasi konservasi alat muzik yang memberi peluang kepada pengunjung mendalami proses pemuliharaan serta menghargai nilai seni warisan muzik tradisional negara.

Jabatan Muzium Malaysia

Kementerian Perpaduan Negara

8 November 2025

KPN.100-9/1/16 (96) / JMM.100-9/1/7 (18)